



PRIHATIN: Dr Suraya (dua kiri) menyampaikan sumbangan kepada Alias.

KESUMBA salur bantuan kepada mangsa kebakaran

Oleh Yap Siong Han

UB 19.06.2021 P. 02

PUTATAN: Kelab Suri Rumah dan Staf Wanita Universiti Malaysia Sabah

(KESUMBA) menyampaikan sumbangan melalui Misi Bantuan Prihatin kepada mangsa kebakaran Kg Meruntum.

Kejadian yang berlaku pada

15 Mei lalu melibatkan 45 Ketua Isi Rumah (KIR) dan

telah memusnahkan 35 buah rumah penduduk.

Sebelum ini pelbagai pihak

telah menghulurkan sumbangan berupa wang tunai dan

barang keperluan harian.

Terbaru, Kelab Suri Rumah dan Staf Wanita

Universiti Malaysia Sabah

(KESUMBA) menyampaikan sumbangan ikhlas melalui

Misi Bantuan Prihatin bagi

meringankan beban mangsa

yang terlibat.

Penyampaian sumbangan

berupa wang ringgit disem-

purnakan Timbalan Yang

Dipertua KESUMBA, Dr.

Suraya Sintang kepada Ketua

Kampung, Mohd Alias Yu-

suf, di sini, kelmarin.

Menurut Suraya, peny-

erahan itu dibuat mengikut

Prosedur Operasi Standard

(SOP) dengan mengamalkan langkah-langkah pencegahan yang tinggi bagi mengelakkan sebarang kebarangkalian penularan wabak COVID-19.

“Saya ucapkan salam takziah kepada penduduk yang terlibat, semoga bersabar dan tabah menghadapi dugaan ini.

“Semoga dengan sedikit bantuan yang disampaikan dapat meringankan beban,” katanya.

Suraya memaklumkan, KESUMBA sentiasa melaksanakan aktiviti sosial dan kebajikan kepada masyarakat sama ada dalam kampus atau di luar kampus selaras dengan matlamat kelab tersebut.

“Justeru, sumbangan kali ini juga merupakan salah satu usaha yang kita lakukan untuk membantu masyarakat yang ditimpa musibah,” jelasnya.

Hadir sama Pemegang Akaun Amanah KESUMBA Norti Sirin, Timbalan Setiausaha Kehormat Dayangku Masniah Madaud, Ketua Puteri KESUMBA Lydia Hurgerty Felix, dan wakil pemaju masyarakat Kampung Meruntum, Syed Arizal Karim.